



# بجلیسی دائرہ ضریک

## MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak  
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my  
Portal rasmi : www.gerik.gov.my

Bil. ( 63 ) dlm. M.D.Gk. (P) 13/84 Pt. IX 30/2001 (Jld. 2)

### NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL. 6/2021

1. Tawaran adalah dipelawa kepada semua **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang **BERALAMAT DI DAERAH GERIK** sahaja serta mempunyai Gred/Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut :-

- **SEPERTI DI LAMPIRAN A YANG BERKEPIL** -

2. Cabutan undi akan dilaksanakan melalui siaran langsung sistem atas talian di pautan **Facebook Rasmi MAJLIS DAERAH GERIK** yang akan diadakan pada :

TARIKH	MASA	TEMPAT
<b>15 DISEMBER 2021 (RABU)</b>	<b>9.30 PAGI</b>	DEWAN PERSIDANGAN, JALAN SRI ADIKA RAJA, GERIK

3. Sesi undian akan dijalankan sepenuhnya secara atas talian, oleh itu kontraktor tidak perlu hadir pada hari undian dijalankan. Bagaimanapun, kontraktor boleh menyaksikan proses undi melalui atas talian seperti ketetapan perkara 2 di atas.
4. Berikut merupakan tarikh-tarikh yang perlu diberi perhatian oleh pihak kontraktor :-

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pendaftaran Kontraktor dan Tarikh Akhir Memuatnaik Dokumen Secara Atas Talian (Google Form seperti pautan di bawah : <a href="https://forms.gle/DUHrARwn5y68JunBA">https://forms.gle/DUHrARwn5y68JunBA</a> )	<b>29 NOVEMBER 2021 (8.30 pagi)</b> sehingga <b>2 DISEMBER 2021 (12.00 tgh)</b> *pastikan kontraktor membuat pendaftaran dalam <b>tempoh tersebut</b> ini sahaja untuk mengelakkan pendaftaran ditolak.
2.	Paparan Notis Senarai Kelayakan Kontraktor Memasuki Proses Undi (melalui Facebook MAJLIS DAERAH GERIK dan Laman Web <a href="http://www.gerik.gov.my">www.gerik.gov.my</a> )	<b>10 DISEMBER 2021</b>
3.	Proses Undi Berlangsung (live streaming Facebook MAJLIS DAERAH GERIK)	<b>15 DISEMBER 2021 (9.30 pagi)</b>

5. Pendaftaran hendaklah dibuat secara atas talian dengan mengemukakan dokumen-dokumen berikut melalui Google Form di pautan <https://forms.gle/DUHrARwn5y68JunBA> dengan menyertakan dalam bentuk PDF sahaja :
  - a) Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) oleh CIDB
  - b) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB
  - c) Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK
  - d) Sijil Pendaftaran dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
  - e) Resit Pembaharuan (jika berkenaan)
6. **Kelewatan atau kegagalan** kontraktor-kontraktor mendaftar mengikut masa yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan untuk menyertai proses UNDIAN KERJA.
7. Kontraktor-kontraktor diwajibkan menghantar salinan dokumen seperti yang dinyatakan diperkara 5 dengan memuatnaik secara atas talian bagi tujuan pendaftaran dan seterusnya proses pengundian. **Tarikh akhir luput sijil-sijil berkenaan hendaklah pada 14 FEBRUARI 2022** dan ke atas.
8. Penawaran kerja adalah tertakluk kepada syarat-syarat Kategori dan Pengkhususan seperti yang tercatat dalam sijil tersebut.
9. Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang yang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.
10. **KONTRAKTOR YANG TELAH ATAU PERNAH MENDAPAT KERJA UNDI DAN KERJA SEBUT HARGA SEPANJANG TAHUN 2021 DARIPADA MAJLIS DAERAH GERIK ADALAH TIDAK LAYAK MENYERTAI PENDAFTARAN UNDI INI.**
11. **KONTRAKTOR JUGA HENDAKLAH BEBAS DARIPADA SEBARANG TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN DAN SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN SERTA TUNGGAKAN SEBARANG KOMPAUN PENGUATKUASAAN DENGAN MAJLIS DAERAH GERIK.**
12. Pihak Majlis berhak menarik balik surat tawaran atau inden kerja sekiranya didapati kontraktor mengemukakan atau memberikan maklumat palsu.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MUHAMAD SUFFIAN ALTHAURI BIN MHD BAKRI)**

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Gerik

Bertarikh : **26 NOVEMBER 2021**

**”SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”**

**NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL 6/2021**

Bil.	TAJUK KERJA	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN
1.	MENYELENGGARA RUMAH REHAT GERIK	G1	B/ B04
2.	MENYELENGGARA ARENA AMANJAYA LAWIN, GERIK	G1	B/ B04
3.	MENYELENGGARA KEDAI DATARAN LAWIN, GERIK (FASA 2)	G1	B/ B04
4.	MENYELENGGARA KEDAI DAN TANDAS DI HENTIAN PERAH, GERIK	G1	B/ B04
5.	MENYELENGGARA KEDAI DAN TANDAS DI HENTIAN BATU DUA, GERIK	G1	B/ B04
6.	MENYELENGGARA GELANGGANG FUTSAL PUNCAK NILAM, GERIK	G1	B/ B04
7.	MENYELENGGARA GELANGGANG FUTSAL SUDA UTAMA, GERIK	G1	B/ B04
8.	MENYELENGGARA PELBAGAI PREMIS PERNIAGAAN MD GERIK	G1	B/ B04
9.	MENYELENGGARA TANDAS-TANDAS AWAM DI ZON SATU, GERIK	G1	B/ B04
10.	MENYELENGGARA DEWAN ORANG RAMAI TAMAN DESA KASIH, GERIK	G1	B/ B04
11.	MENYELENGGARA DEWAN ORANG RAMAI TAMAN DESA ANGGERIK, GERIK	G1	B/ B04

Bil. ( 63 ) dlm. M.D.Gk. (P) 13/84 Pt. IX 30/2001 (Jld. 2)  
NOTIS KERJA UNDI MAJLIS DAERAH GERIK BIL. 6/2021

Bil.	TAJUK KERJA	GRED	KATEGORI / PENGKHUSUSAN
12.	MENYELENGGARA DEWAN ORANG RAMAI TAMAN PUNCAK NILAM, GERIK	G1	B/ B04
13.	MENYELENGGARA DEWAN ORANG RAMAI TAMAN IBU, GERIK	G1	B/ B04
14.	MENYELENGGARA DEWAN ORANG RAMAI TAMAN SERI TEMENGOR, GERIK	G1	B/ B04
15.	MENYELENGGARA KEDAI PELBAGAI DI PEKAN LAWAN, GERIK	G1	B/ B04